

# **WACANA KEPIMPINAN DALAM UCAPAN ABDULLAH AHMAD BADAWI**

*Radiman Hj. Junaidi*  
radiman2009@yahoo.com.my

*Zaitul Azma Zainon Hamzah*  
zaitul@fbmk.upm.edu.my

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia

## **Abstrak**

Kajian ini bertujuan memperlihatkan praktis kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi melalui teks ucapan dasar di Perhimpunan Agung UMNO bersandarkan kerangka teori analisis wacana kritis Fairclough. Kerangka teori ini menjurus kepada persoalan sosial yang tumpat dalam wacana ucapan untuk menjelaskan hubungan kuasa dan memperlihatkan perkaitan praktikal dalam konteks ekonomi, sosial, budaya dan politik. Kajian ini juga memerihalkan makna kata yang dapat menterjemahkan pendirian dan praktis kepemimpinan pewacana. Abdullah Ahmad Badawi didapati berfikir dalam bahasa atau budaya Melayu untuk membawa perubahan dalam kepimpinannya. Dapatkan telah memperlihatkan sifat toleransi dan ketelusan terpancar dalam wacana ucapannya yang menonjolkan tindakan dan usahanya. Dalam hal ini, penggunaan kerangka teori analisis wacana kritis dalam menganalisis wacana kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi telah dapat memperlihatkan kemampuan bahasa dalam menyingkap kepimpinan seseorang pemimpin.

Kata kunci : analisis wacana, toleransi, telus, kepimpinan, Abdullah Ahmad Badawi

***Abstract***

*This study aims to show the practices of leadership by Abdullah Ahmad Badawi as seen in the texts of his speeches at the UMNO General Assembly. Based on Fairclough's critical discourse analysis framework. This theoretical framework exposes weighty social issues in the discourse of the speeches to explain power relations and also shows the links between economic, social, cultural and political contexts. This study also explains the meanings of words that articulate the thoughts and practices of the speaker's leadership. Abdullah Ahmad Badawi is shown to be thinking in Malay and based on Malay culture with the aim of bringing change into his leadership. The study finds that tolerance also influence his leadership practices. Abdullah Ahmad Badawi's tolerant and transparent leadership practices are clearly shown in his speeches, which highlight his actions and efforts, while his leadership is proof of his commitment to respect other religions and cultures. In this regard, the use of the critical discourse analysis framework to analyse the political speeches of Abdullah Ahmad Badawi is a means to show that language is a way to uncover the qualities of a leader.*

*Keywords:* discourse analysis, tolerance, transparency, leadership, Abdullah Ahmad Badawi

## **PENDAHULUAN**

Bahasa wujud dalam kelompok manusia dan digunakan oleh masyarakatnya untuk berkomunikasi. Menurut Sperber & Wilson (1999), bahasa dan komunikasi selalu dilihat sebagai dua belah duit syiling yang satu. Fitur penting bagi bahasa digunakan dalam komunikasi dan fitur penting komunikasi melibatkan penggunaan bahasa atau kod. Hubungan antara bahasa dengan komunikasi ialah pemikiran, sama seperti hubungan antara jantung dengan peredaran darahnya. Bahasa mempunyai fungsi yang amat penting bagi manusia, terutama sekali fungsi komunikasi. Menurut Tarigan Henry G. (1986), bahasa memainkan peranan yang penting dalam kehidupan kita sebagai sarana komunikasi.

Pada tahap sosial, bahasa memainkan pelbagai fungsi dan salah satu yang terpenting ialah bahasa membentuk dan mengukuhkan batasan, menyatukan para penggunanya menjadi komuniti bahasa yang satu dan menyisihkan orang luar daripada komuniti dalam kumpulan (Aminuddin

Mohd. Yusof, 1990). Menurut Muriel Saville-Troike (1991), bahasa juga dijadikan identifikasi sosial dalam masyarakat dengan cara memberikan petanda linguistik yang mungkin digunakan untuk mengukuhkan stratifikasi sosial. Antara petanda linguistik yang biasanya digunakan oleh manusia secara sedar ataupun tidak termasuklah ekspresi (menyampaikan rasa hati dan emosi), arahan (permintaan atau tuntutan), rujukan (isian proposisi benar atau palsu) dan sebagainya (Muriel Saville-Troike, 1991).

Menurut Sato (1991), bahasa berfungsi sebagai alat perhubungan sosial. Meskipun sifatnya yang pasif dan dilahirkan melalui ujaran tetapi bahasa mempunyai kuasa yang luar biasa untuk menyatukan manusia, membangkitkan emosi, melahirkan simpati, menyampaikan ilmu dan keupayaan memujuk seseorang melakukan perkara yang positif dan negatif. Bahasa juga berfungsi dalam membentuk pemikiran kita melalui proses penghasilan wacana.

Kewujudan wacana dalam sistem bahasa memperlihatkan kesepaduan dan kewibawaan sesuatu bahasa dalam budaya dan masyarakat. Wacana telah menyerahkan sifat makna dalam kalangan manusia, khususnya dalam kehidupan sehari-hari. Dalam hal ini, wacana dilihat sebagai medium komunikasi yang mantap dan kukuh untuk mewujudkan kesatuan makna yang melahirkan tujuan dalam penggunaan bahasa (Asmah Haji Omar, 2009).

Penghasilan suatu wacana yang utuh, mesti mempunyai tujuan, kohesi, koheran, penerimaan, maklumat, keadaan dan intertekstualiti (Beaugrande & Dressier, 1981). Dalam hal ini, tujuan sesuatu wacana disampaikan akan mempengaruhi jenis wacana yang dimanfaatkan. Kohesi pula merujuk aspek keserasian hubungan antara perkataan, frasa atau ayat dengan perkataan dalam wacana. Koheren pula memperlihatkan kesinambungan idea dalam sesuatu wacana, manakala aspek penerimaan merujuk sesuatu wacana didengar atau dibaca (*khalayak*) agar difahami. Aspek maklumat pula merujuk maklumat yang baharu dan lama yang diperoleh, aspek keadaan merujuk kesesuaian wacana diujarkan atau dimanfaatkan agar relevan dengan situasi dan aspek intertekstualiti merujuk sesuatu wacana memerlukan wacana yang lain (Fairclough, 1992).

Sistem wacana ini terbentuk melalui pelbagai cara untuk membentuk makna, antaranya melalui bahasa, simbol, harapan, aturan dan hubungan antara manusia dengan budaya. Wacana dapat terlihat dalam institusi formal, seperti wacana pemerintahan, hukum, ekonomi dan sistem pendidikan. Wacana yang terbentuk secara informal adalah melalui hubungan sosial. Oleh itu bagi Fairclough (1995), wacana difahami sebagai

sebuah tindakan yang tidak ditempatkan dalam ruang yang tertutup dan tidak terbatas dalam lingkungan sosial. Serentak dengan itu, kemampuan menghasilkan wacana menjadi kayu ukur terhadap kecekapan berbahasa seseorang.

Bentuk wacana disampaikan melalui teks (Asmah Haji Omar, 2009). Melalui teks wacana mewujudkan makna (*make meaning*) yang utuh dan pragmatis. Dalam hal ini teks sebagai representasi wacana, sangat berkaitan dengan aspek intertekstualiti yang melihat interaksi teks dengan teks terdahulu. Aspek interdiskursiviti pula melihat penghasilan sesuatu teks melalui pertindihan atau pengadunan pelbagai jenis wacana.

Pemanfaatan terhadap kedua-dua aspek ini akan melahirkan kepelbagaian aras teks dan penyilangan wacana dalam konvensyenya pada aras permukaan teks yang dihasilkan. Kewujudan teks ucapan dalam medan wacana memperlihatkan usaha penulis untuk mempengaruhi atau memaksa pendapatnya didengar atau dibaca. Dengan demikian, wujudlah kepelbagaian wacana yang bukan hanya sebagai alat penulisan pemujukan, penyampaian ideologi, atau propaganda tetapi mampu mencungkil dan membongkar persoalan sosial yang tersembunyi khususnya dalam wacana ucapan. Menurut Van Dijk (1985), fitur wacana hanyalah menjadi gejala daripada persoalan yang lebih besar, seperti ketidakadilan, perbezaan kelas, gender, rasisme, kekuasaan, dan dominasi yang melibatkan lebih dari pada hanya sekadar teks dan tuturan.

Seterusnya, hubungan antara bahasa dengan proses sosial dapat diperlihatkan melalui analisis wacana khususnya dalam wacana kepimpinan. Hal ini demikian kerana analisis wacana mempunyai metodologi dan konseptual yang menjadikan wacana sebagai data yang membincangkan aspek kehidupan sosial dan melibatkan pemikiran (Wood Linda A. & Rolf O. Kroger, 2001). Selain itu, analisis wacana mampu meneliti cara seseorang pemimpin menggunakan bahasanya untuk membina mesej linguistik dan disampaikan kepada khalayaknya (Ahmad Mahmood Musanif & Arbak, 2001). Penekanan terhadap subdisiplin analisis wacana akan memperlihatkan peranan bahasa dalam proses sosial, kuasa, politik, proses interpretasi dan proses kepimpinan dalam sesuatu masyarakat (Van Dijk, 2008). Oleh yang demikian, wacana sangat penting dalam aspek politik yang sebahagiannya merupakan proses kepimpinan (Idris Aman, 2001).

## **PERNYATAAN MASALAH**

Kajian terhadap bahasa yang menjurus kepada praktis kepimpinan masih kurang dijalankan walaupun terdapat banyak tokoh pemimpin yang berwibawa dan mempunyai gaya kepimpinan yang tersendiri. Kajian tentang praktis kepimpinan yang terdahulu telah dijalankan oleh Kamila Ghazali (1999) dan Idris Aman (2001). Kedua-dua pengkaji ini mengkaji tentang praktis kepimpinan Tun Dr. Mahathir. Kajian tentang kepimpinan yang lain termasuk kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi masih kurang dikaji. Oleh yang demikian kajian ini perlu dilakukan. Tambahan pula dasar kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi walaupun tidak berubah tetapi gaya kepimpinan beliau ternyata berbeza dengan Mahathir Mohamad, (Junaidy Abd. Wahab, 2007)

Sementelah, kebanyakan kajian terdahulu antaranya seperti kajian Azhar Simin (1988), Sato Hirobumi (1991) dan Muhammed Shahriar Haque (2006) kurang memperlihatkan persoalan sosial, sebaliknya lebih memberikan penekanan terhadap teoretikal (Idris Aman, 2001). Kajian terdahulu cenderung pada konsep ideasional dan kurang memperlihatkan konsep interpersonal dalam satu kesatuan wacana. Oleh itu, satu kajian wajar dilakukan untuk memperlihatkan peranan bahasa dalam menjawab persoalan seperti kuasa, politik, dominasi dan rasis yang terselindung di sebalik wacana ucapan kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Bertitik tolak daripada permasalahan ini, kajian ini dijalankan bertujuan memperlihatkan praktis kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi yang tersurat dan tersirat dalam ucapan kepimpinan beliau dalam Perhimpunan Agung UMNO dari sudut analisis wacana kritis.

Pengkaji membataskan kajian ini kepada lima koleksi teks ucapan dasar Perhimpunan Agung UMNO oleh bekas Perdana Menteri, iaitu Tun Abdullah Ahmad Badawi. Kelima-lima teks ucapan ialah teks ucapan pada tahun 2004 (ke-55), 2005 (ke-56), 2006 (ke-57), 2007 (ke-58) dan 2009 (ke-59). Teks ucapan dasar Perhimpunan Agung UMNO pada tahun 2008 tidak dianalisis kerana pada tahun tersebut Perhimpunan Agung UMNO Ke-59 telah ditunda pada 26 Mac 2009. Kelima-lima wacana ucapan tersebut diperoleh daripada Siri Ucapan Penting daripada buku *Koleksi Ucapan Perdana Menteri* yang diterbitkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia.

Kajian ini bersandarkan kerangka teori analisis wacana kritis (AWK) Norman Fairclough (1992, 1995 dan 2003). Dalam penganalisisan, pengkaji mengaplikasikan model tiga dimensi, iaitu amalan wacana, tekstual dan proses sosial. Namun demikian, kajian ini hanya akan membincangkan aspek textual dan proses sosial. Dalam aspek textual, kajian ini akan memfokuskan leksikal kata alternatif. Dalam aspek proses sosial, pengkaji membataskan kajian kepada praktis kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi. Kedua-dua dimensi ini akan dipertalikan untuk memperlihatkan aspek kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi. Dalam pada itu, pengkaji menganalisis data yang dikutip daripada teks ucapan tanpa mengusik atau membuat pembetulan terhadap keaslian data terpelihara.

## **ANALISIS WACANA KRITIS**

Analisis wacana kritis merupakan aspek yang prihatin terhadap teks lisan mahupun tulisan untuk mengungkapkan sumber diskursif yang menjurus kepada penggunaan bahasa dalam masyarakat dan budaya (Van Dijk, 1998). Analisis wacana kritis merujuk semua amalan sosial yang terikat pada sejarah konteks dan cara hubungan sosial dihasilkan untuk memperlihatkan kepentingan yang berbeza yang berkaitan persoalan dan memahami penglibatan wacana dengan hubungan kekuasaan (Janks Hilary, 2001).

Menurut Wodak (1995), analisis wacana kritis bermatlamat untuk menganalisis hubungan struktural secara telus yang berkaitan dengan dominasi, diskriminasi, kekuasaan dan kawalan seperti yang disampaikan oleh bahasa. Lebih khusus lagi, analisis wacana kritis ialah kajian yang nyata dan sentiasa berkembang dalam interaksi sosial yang mengambil sebahagian bentuk linguistik. Analisis wacana kritis melihat wacana sebagai pembina sosial dan cerminan praktis sosial (Blommaert Jan, 2005).

Menurut Idris Aman (2006), analisis wacana kritis tidak terhenti sekadar menghuraikan fitur linguistik dan/atau mentafsir diskursiviti teks sebagai “ilmu mentah”, tetapi merupakan analisis yang dilanjutkan bagi memahami proses dan persoalan kehidupan sosial dalam wacana sebagai “ilmu masak”.

Dalam pada itu, analisis wacana kritis berfungsi sebagai metode yang menjernihkan kecaburan sebagai kuasa dalam masyarakat moden terutamanya dalam aspek ekonomi, sosial dan budaya (Chouliaraki & Fairclough, 1999). Dalam aspek ini analisis wacana kritis begitu mengambil berat terhadap ucapan dalam pembinaan diskursif atau

persoalan masyarakat yang tertanam dalam teks sebagai maklumat yang kurang jelas (Terry Lock, 2004).


## PENDEKATAN ANALISIS WACANA KRITIS

Ciri khas pendekatan wacana kritis (Fairclough, 1995) ialah hubungan antara amalan sosiobudaya dengan suatu teks itu. Elemen ini merupakan perantara amalan wacana. Dalam hal ini, analisis wacana kritis memberikan perhatian terhadap cara suatu teks dihasilkan atau ditafsirkan. Apakah dan bagaimanakah hubungan antara amalan sosiobudaya dengan teks diartikulasikan bersama-sama, bergantung pada sifat daripada sosial budaya. Pendek kata, ketiga-tiga aspek dimensi sebenarnya mempunyai hubungan antara satu sama lain. Hubungan aspek dialektikal antara teks dengan praktis sosiobudaya hadir melalui perantaraan amalan wacana. Pendekatan ini diilustrasikan melalui Rajah 1.

Dalam menghuraikan dan menjelaskan aspek proses sosial yang tertanam dalam wacana, analisis wacana kritis menggunakan konsep wacana tiga dimensi dan menghubungkaitkan dengan kaedah analisis wacana secara bersama. Antaranya termasuklah (i) teks dan wacana, secara lisan atau tulisan; (ii) praktis wacana menjurus kepada aspek penghasilan teks dan penginterpretasian teks; dan (iii) amalan sosiobudaya (1995). Sehubungan itu, metode analisis diselaraskan kepada tiga dimensi. Dimensi yang pertama ialah analisis tekstual yang memerihalkan fitur atau ciri linguistik dan organisasi yang terdapat pada teks. Analisis teks melibatkan analisis linguistik yang meliputi empat bentuk atau sifat teks yang boleh dianalisis, iaitu struktur teks, kohesi, nahu, dan leksikal yang dimanfaatkan (Fairclough, 1992).

Dimensi yang kedua ialah amalan wacana yang menjurus kepada interpretasi hubungan antara (penghasilan dan interpretasi) proses diskursif dan teks. Dimensi yang ketiga ialah proses sosial yang merupakan penjelasan tentang hubungan antara proses diskursif dan proses sosial. Dimensi analisis proses sosial menjurus kepada proses menjelaskan persoalan sosial yang melibatkan aspek kepimpinan, politik, budaya, ideologi, hegemoni, ekonomi dan sebagainya. Menurut Fairclough (1995), ketiga-tiga tahap ini selalu hadir secara serentak dan salah satu didahulukan daripada yang lain.

Dalam kajian ini, pengkaji membincangkan dimensi analisis tekstual dan dimensi proses sosial. Dalam analisis tekstual, perbincangan menjurus kepada aspek leksikal yang memperlihatkan kata alternatif yang



Dimensi Wacana

Dimensi Analisis Wacana

**Rajah 1 :** Pendekatan Analisis Wacana Kritis Tiga Dimensi Fairclough.  
Sumber: Fairclough 1995.

dimanfaatkan oleh Abdullah Ahmad Badawi ucapan kepimpinan. Dalam dimensi proses sosial, menjurus kepada penjelasan terhadap perbincangan dan tafsiran dalam analisis tekstual. Kajian ini menganalisis ucapan dasar Abdullah Ahmad Badawi di Perhimpunan Agung UMNO yang ke-55 (2004), ke-56 (2005), ke-57 (2006), ke-58 (2007) dan ke-59 (2009). Tekst yang dianalisis ini diperoleh daripada risalah siri ucapan penting, dalam buku koleksi Ucapan Abdullah Ahmad Badawi tahun 2004, 2005, 2006, 2007, dan 2009 yang diterbitkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia.

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### Kata Alternatif

Kata alternatif merupakan salah satu aspek leksikal yang disarankan oleh Fairclough (1992) dalam dimensi amalan tekstual. Kata alternatif memperlihatkan hubungan makna secara semula jadi sebagai “banyak kata : satu kata”. Aspek ini memberikan perhatian terhadap kepelbagaiannya yang digunakan untuk mengungkapkan sesuatu atau cara bagaimana sesuatu diungkapkan yang menjurus kepada perubahan terhadap satu kata dan perubahan makna (Fairclough, 1992). Kata alternatif dikenal pasti

berdasarkan hubungan makna kata lain yang dikaitkan dengan amalan sosial. Berdasarkan analisis, kata alternatif diperlihatkan menerusi leksikal yang menjurus kepada kata alternatif pembasmian dan kata alternatif demokrasi yang dipaparkan dalam Jadual 1.

### Kata Alternatif Pembasmian

Menangani masalah sosial seperti isu kemiskinan luar bandar, pengangguran dan keruntuhan akhlak dan nilai murni masyarakat merupakan antara cabaran utama yang dihadapi oleh Abdullah (Azina Husin *et al.*, 2007). Usaha menghapuskan kemiskinan dan rasuah begitu ketara dibicarakan dalam ucapan kepimpinan ini melalui kata alternatif pembasmian. *Pembasmian* merupakan kata terbitan yang berasal daripada kata kerja keadaan *basmi*. Menurut *Kamus Dewan* (2007), *basmi* ditakrif sebagai menghapuskan, membanteras dan memerangi, manakala *pembasmian* pula ialah perihal tindakan dan usaha untuk membasmi, membanteras dan memerangi.

Berdasarkan Jadual 1, leksikal yang menjadi teras kata alternatif pembasmian dalam ucapan kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi ialah *membasmi*, *menangani*, *memerangi*, *membanteras* dan *menentang*. Dengan kata lain, leksikal pembasmian ini menjurus kepada usaha atau langkah yang positif untuk memperbaik atau menangani permasalahan yang berlaku dalam negara. Usaha pembasmian yang diperlihatkan oleh Abdullah Ahmad Badawi, diklasifikasikan kepada dua, iaitu membasmi kemiskinan dan menghapuskan rasuah.

### Membasmi kemiskinan

Berdasarkan ucapan kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi, leksikal *membasmi* dimanfaatkan bagi merujuk usaha yang berterusan Abdullah Ahmad Badawi menghapuskan kemiskinan dalam kalangan rakyat khususnya masalah kemiskinan luar bandar. Program pembasmian kemiskinan ini merancang dan melaksanakan polisi bagi kesejahteraan sosial rakyat miskin yang sentiasa diberikan perhatian oleh Abdullah Ahmad Badawi. Sikap dan komitmen Abdullah Ahmad Badawi terhadap isu kemiskinan adalah begitu ketara dalam pentadbirannya (Roziah Omar & Mohammad Zahir Zainudin, 2007). Isu membasmi kemiskinan turut mendapat perhatian dalam ucapan dasar Perhimpunan Agung UMNO

**Jadual 1** Leksikal dalam kata alternatif yang dimanfaatkan oleh Abdullah Ahmad Badawi.

Kata Alternatif	Leksikal	Klasifikasi	Data Perolehan
Pembasmian	membasmi menangani memerangi membanteras menentang	membasmi kemiskinan menghapuskan rasuah	<p>T1.P96.A6. Usaha <i>membasmi kemiskinan</i>, sama ada <i>kemiskinan mutlak</i> maupun <i>relatif</i> wajib ditingkatkan.</p> <p>T3.P35.A2....Kerajaan mendukung matlamat <i>membasmi kemiskinan</i>,...</p> <p>T4.P40.A1....matlamat utama yang terkandung dalam Dasar Ekonomi Baru, ia itu, <i>membasmi kemiskinan</i> A5.... usaha mahu mengeluarkan masyarakat dari zon kemiskinan, terutamanya <i>menangani</i> masalah kemiskinan minda dan kemiskinan jiwa.</p> <p>T3.P49.A7. <i>Memerangi rasuah</i> memerlukan komitmen semua pihak</p> <p>P3.P48.A1 Saya cekal mahu <i>membanteras politik wang dan rasuah</i>. A2....kita mesti <i>menentang rasuah</i> di segenap peringkat kerajaan.</p>
Demokrasi	majoriti berkongsi kuasa Pemilihan rakyat agama-agama lain boleh diamalkan saling menghormati	kuasa rakyat tolerasi	<p>T4.P4.A1...mendapat sokongan <i>majoriti</i> rakyat bagi menubuhkan Kerajaan ...A3...UMNO menjalin kerjasama dengan kaum-kaum bukan Melayu berlandaskan budaya muafakat dan <i>berkongsi kuasa</i></p> <p>T1.P92.A2.Kita menghargai <i>pemilihan rakyat</i> dan menghormati hak rakyat menentukan kerajaan</p> <p>T4.P8.A5....Islam adalah agama bagi Persekutuan; tetapi <i>agama-agama lain boleh diamalkan</i> ...</p> <p>T4.P9.A1...warga Malaysia pelbagai agama hendaklah mengamalkan budaya yang <i>saling menghormati</i> ...</p>

Sambungan **Jadual 1**

Kata Alternatif	Leksikal	Klasifikasi	Data Perolehan
Demokrasi	perundingan, perbincangan	kebebasan bersuara	T3.P8.A1. Amalan <i>perundingan</i> dan budaya <i>perbincangan</i> , dilaksanakan di dalam parti....
	kritikan		T3.P9.A2. <i>Kritikan</i> konstruktif digalakkan.

melalui kata alternatif pembasmian. Yang berikut diperlihatkan petikan yang berkaitan.

- (1) T1.P96.A6.Usaha *membasmi kemiskinan*, sama ada *kemiskinan mutlak mahupun relatif* wajib ditingkatkan. A7.Sektor pertanian berupaya memacu pertumbuhan ekonomi negara. A8.Sektor pertanian yang maju memberi kesan langsung membangunkan ekonomi luar bandar.
- (2) T3.P35.A2.Bahawa Kerajaan mendukung matlamat *membasmi kemiskinan*, menjana pembangunan lebih seimbang, serta memastikan manfaat pembangunan dinikmati rakyat secara adil lagi saksama. A3.Matlamat kita haruslah jelas, bahawa apabila fajar menyingsing pada tahun 2020, warga di negara Malaysia yang maju, tidak boleh lagi diidentifikasi dengan kemiskinan dan kemunduran. A4.Kita tidak akan *mewariskan kemiskinan dan kemunduran* kepada masyarakat yang akan datang.
- (3) T4.P40.A1.Dalam melagukan lirik menuntut keseimbangan penyertaan antara kaum dalam sektor swasta dan sektor awam, jangan sampai kita terlepas pandang satu lagi matlamat utama yang terkandung dalam Dasar Ekonomi Baru, ia itu, *membasmi kemiskinan*. A2.Negara tidak akan tenteram jika bilangan rakyat yang miskin masih ramai. A3.*Kemiskinan* boleh menjadi punca mencetuskan ketidakstabilan politik, demonstrasi jalanan, kadar jenayah yang tinggi dan masalah sosial yang besar. A4.Program *membasmi kemiskinan* adalah untuk semua warga tanpa mengira kaum ataupun agama. A5.Meningkatkan kapasiti dan nilai tambah individu melalui program pendidikan berkesan adalah instrumen yang akan diberikan fokus dalam usaha muahu mengeluarkan masyarakat dari *zon kemiskinan*, terutamanya *menangani masalah kemiskinan minda* dan *kemiskinan jiwa*.

Berdasarkan petikan (1), jelas bahawa membasmi kemiskinan merupakan usaha yang berterusan Abdullah Ahmad Badawi. Usaha tersebut diperlihatkan melalui frasa *membasmi kemiskinan* yang

merupakan agenda nasional walaupun kemiskinan bersifat tegar mahupun relatif. Beliau beranggapan bahawa sektor pertanian mampu sebagai pemangkin untuk mengeluarkan rakyat daripada kemiskinan.

Dalam pada itu, melalui frasa *membasmi kemiskinan* dalam petikan (2), pewacana melihat matlamat membasmikan kemiskinan harus disokong untuk menjanakan pembangunan lebih seimbang, adil lagi saksama agar tidak dikategorikan sebagai negara yang miskin dan mundur menjelang tahun 2020. Dalam hal ini, melalui frasa *mewariskan kemiskinan dan kemunduran* pewacana mengajak khalayaknya agar berusaha dan mempunyai matlamat yang jelas supaya kemiskinan tidak diwarisi oleh generasi yang akan datang .

Berdasarkan petikan (3), leksikal *membasmi* dimanfaatkan untuk memperlihatkan keprihatinan pewacana terhadap usaha membasmikan kemiskinan yang tidak terhenti malah semakin membara dalam jiwanya. Hal ini terbukti apabila pewacana mengingatkan kepada khalayaknya melalui klausa, *kemiskinan boleh menjadi punca....* Oleh sebab kemiskinan, tercetusnya ketidakstabilan politik, demonstrasi jalanan, kadar jenayah yang tinggi dan masalah sosial yang besar.

Di samping itu, menerusi petikan (3), leksikal *menangani* turut dimanfaatkan oleh Abdullah Ahmad Badawi untuk memperlihatkan hubungan makna kata alternatif pembasmian bagi membicarakan isu kemiskinan. *Kamus Dewan* (2007) mendefinisikan leksikal menangani sebagai mengerjakan, membuat sendiri dan mengusahakan. Dengan kata lain, leksikal ini membawa pengertian mengenai usaha mahupun tindakan dalam pembasmian kemiskinan melalui klausa ...*menangani masalah kemiskinan minda dan kemiskinan jiwa*.

Berhubung dengan isu ini, Abdullah Ahmad Badawi bukan sahaja memanfaatkan sektor pertanian malah menjadikan program pendidikan sebagai instrumen untuk mengeluarkan masyarakat daripada zon kemiskinan. Dalam pada itu, Abdullah Ahmad Badawi turut memberikan perhatian terhadap ilmu pengetahuan, rohani dan emosi dalam kalangan masyarakat. Dengan kaedah ini juga, Abdullah Ahmad Badawi percaya bahawa kemiskinan boleh dihapuskan daripada rakyat.

## **Menghapuskan rasuah**

Kata alternatif pembasmian turut diperlihatkan melalui usaha menghapuskan rasuah. Amalan rasuah merupakan agenda yang tidak pernah sunyi daripada pentadbiran Abdullah Ahmad Badawi. Menurut

## JURNAL BAHASA

Mohamed Jawhar (2007), pentadbiran Abdullah Ahmad Badawi telah memperkenalkan beberapa langkah baharu untuk meningkatkan keberkesanan usaha membendung amalan rasuah. Yang berikut dipaparkan petikan yang berkaitan makna leksikal pembasmian.

- (4) T3.P49.A7. *Memerangi rasuah* memerlukan komitmen semua pihak. A8. Usaha memerangi rasuah tidak dapat mencapai kemenangan jika sekadar ditumpukan kepada aktiviti menangkap dan mendakwa. A9. Masalah rasuah tidak berakhir dengan penangkapan jika benih baru masih dibenarkan tumbuh. A10. Laksanakanlah dalam diri masing-masing, dengan kita sendiri tidak dipengaruhi oleh wang ringgit dalam membuat pertimbangan.
- (5) T3.P48.A1 Saya cekal mahu *membanteras politik wang dan rasuah*. A2. Berulang kali saya ingatkan bahawa kita mesti *menentang rasuah* di segenap peringkat kerajaan. A3. Namun Presiden Parti dan Perdana Menteri tidak dapat melaksanakan usaha ini secara berseorangan. A4. Di dalam parti, saya telah meminta setiap seorang daripada saudara-saudari membantu saya membanteras politik wang.

Berdasarkan petikan (4), leksikal *memerangi* dimanfaatkan untuk memperlihatkan hubungan makna kata alternatif pembasmian. Menurut *Kamus Dewan* (2007), *memerangi* membawa maksud, berperang melawan, membasmi dan menghapuskan. Dengan kata lain, makna leksikal *memerangi* membawa maksud menghapuskan amalan rasuah secara bersungguh-sungguh seolah-olah dalam satu pertempuran. Kata yang digunakan ini membayangkan usaha yang penuh bersemangat Abdullah Ahmad Badawi dalam menghapuskan rasuah.

Berdasarkan ayat A7 *Memerangi rasuah memerlukan komitmen semua pihak* Abdullah Ahmad Badawi berpendapat memerangi rasuah seharusnya melibatkan semua pihak. Beliau percaya bahawa amalan rasuah berjaya dihapuskan sekiranya mendapat sokongan sepenuhnya daripada semua pihak dan mempunyai jati diri serta tidak terpengaruh dengan ganjaran wang mahupun harta.

Selain itu, menerusi petikan (5) leksikal *membanteras* dan *menentang* turut dimanfaatkan untuk memperkatakan tentang menghapuskan rasuah oleh Abdullah Ahmad Badawi. Dalam *Kamus Dewan* (2007) leksikal *membanteras* membawa maksud membasmi, menghapuskan dan memerangi sesuatu perkara. Leksikal *menentang* pula bermaksud melawan, memerangi dan menolak. Berdasarkan definisi tersebut, leksikal *membanteras* dan *menentang* turut mempunyai hubungan makna dengan

leksikal pembasmian dalam wacana ucapan ini. Leksikal membanteras dan menentang di kenal pasti hadir adalah juga untuk membicarakan tentang persoalan dalam masyarakat.

Dalam hal ini, Abdullah Ahmad Badawi memanfaatkan leksikal *membanteras* untuk memperkatakan amalan rasuah yang melibatkan kerajaan dan parti UMNO dalam ayat A1 melalui klausa “membanteras politik wang dan rasuah”. Di samping itu, Abdullah Ahmad Badawi turut memanfaatkan leksikal *menentang* melalui ayat A2 ...*menentang rasuah di segenap peringkat kerajaan* untuk meminta kerjasama dalam kalangan khalayaknya membantu menghapuskan rasuah peringkat kerajaan.

Berdasarkan wacana ucapan ini, leksikal alternatif pembasmian dikenal pasti dimanfaatkan oleh Abdullah Ahmad Badawi untuk membicarakan beberapa aspek yang berkaitan dengan sosial, iaitu membasi kemiskinan dan menghapuskan rasuah. Secara jelasnya, leksikal seperti, *membasi, menangani, memerangi, membanteras* dan *menentang* telah memperlihatkan ketekunan dan ketelusan yang diperlihatkan oleh pewacana telah menjadi cerminan praktis kepimpinan yang bertanggungjawab dan berwawasan.

## Kata Alternatif Demokrasi

Di samping itu, Abdullah Ahmad Badawi turut memanfaatkan kata alternatif demokrasi dalam ucapan kepimpinannya. Menurut *Kamus Dewan* ( 2007), demokrasi pemerintahan oleh rakyat melalui pilihan raya, sosial yang pada dasarnya dikuasai oleh semua anggotanya tanpa perbezaan keistimewaan kelas. Dengan kata lain, demokrasi ialah satu sistem pemerintahan yang terbina melalui pilihan raya yang memelihara keadilan, kebebasan dan hak kesamarataan rakyat. Berdasarkan Jadual 1, frasa dan leksikal dikaitkan dengan makna demokrasi ialah *pemilihan rakyat, majoriti, berkongsi kuasa, perundingan, perbincangan, kritikan, agama-agama lain boleh diamalkan dan saling menghormati*. Berdasarkan ucapan kepimpinan, frasa dan leksikal dimanfaatkan untuk memperlihatkan amalan demokrasi antaranya ialah *kuasa rakyat, toleransi, kebebasan bersuara*.

## Kuasa rakyat

Berdasarkan ucapan kepimpinan ini, beberapa leksikal dimanfaatkan untuk menghubungkan makna kata alternatif demokrasi bagi membicarakan kuasa rakyat. Yang berikut petikan yang berkaitan.

## JURNAL BAHASA

- (6) T4.P4.A1 Kita telah mendapat sokongan *majoriti* rakyat bagi menubuhkan Kerajaan secara berterusan selama 52 tahun. A2. Rekod cemerlang ini dicapai hasil dari kepimpinan yang bijaksana serta komitmen parti-parti komponen dalam BARISAN NASIONAL. A3. Rekod cemerlang ini adalah hasil dari kebijaksanaan UMNO menjalin kerjasama dengan kaum-kaum bukan Melayu berlandaskan budaya muafakat dan *berkongsi kuasa*.
- (7) T1.P92.A1<sup>1</sup> Kita adalah sebuah negara demokrasi. A2. Kita menghargai *pemilihan rakyat* dan menghormati hak rakyat menentukan kerajaan. A3. Tidak ada sebab mengapa mana-mana golongan perlu bertindak di luar lingkungan demokrasi atau di luar batasan undang-undang.

Antara leksikal yang diserlahkan ialah leksikal *majoriti* yang hadir dalam petikan (6). Berdasarkan *Kamus Dewan* (2007), leksikal *majoriti* membawa maksud sebilangan terbesar atau kelebihan undi atau parti mengatasi bilangan undi calon atau parti yang lain. Oleh yang demikian, leksikal *majoriti* merupakan leksikal yang bercirikan demokrasi berkaitan dengan sesuatu kemenangan yang berdasarkan kelebihan kiraan atau sokongan daripada pihak tertentu yang terlibat.

Berkaitan hal ini, pewacana memanfaatkan leksikal *majoriti* dalam ayat A1 untuk menjelaskan bahawa parti UMNO berjaya menubuhkan kerajaan kerana sokongan majoriti daripada rakyat. Dalam pada itu, melalui ayat A3 frasa *berkongsi kuasa* turut mempunyai hubungan kata alternatif demokrasi. Leksikal ini membawa pengertian persepakatan atau persetujuan yang melibatkan orang atau pertubuhan yang diberikan hak untuk melakukan atau menentukan sesuatu perkara.

Perkongsian kuasa mungkin terjadi setelah kedua-dua parti atau lebih bersetuju menubuhkan kerajaan setelah berjaya mendapat sokongan majoriti rakyat. Berdasarkan petikan (6), Abdullah Ahmad Badawi, memanfaatkan frasa *berkongsi kuasa* untuk menjelaskan kepada khalayaknya bahawa kejayaan mengekalkan kuasa pentadbiran kerana kesepakatan parti dalam BARISAN NASIONAL untuk mentadbir dan mengurus negara yang terdiri daripada masyarakat berbilang kaum.

Selain itu juga, dalam petikan (7) kata alternatif demokrasi turut diserlahkan oleh leksikal *pemilihan rakyat*. Leksikal ini merujuk maksud hal atau perbuatan memilih oleh seluruh penduduk sesebuah negara. Aspek ini memperlihatkan kuasa rakyat untuk menentukan atau membuat keputusan dalam memilih pemimpin atau parti politik yang menjadi wakil dalam membentuk sesebuah kerajaan. Dalam hal ini, Abdullah Ahmad

Badawi memanfaatkan leksikal *pemilihan rakyat* dalam ayat A2 adalah untuk menegaskan bahawa kerajaan terbentuk melalui pilihan raya dan seharusnya tidak ada pihak tertentu yang cuba bertindak mencabuli hak rakyat dan melanggar undang-undang yang telah ditetapkan. Menurut Chamil Wariya (2005), Abdullah Ahmad Badawi menegaskan bahawa amalan demokrasi subur jika semangat demokrasi dapat dipamerkan secara penuh tanggungjawab oleh pelbagai pihak.

### **Toleransi**

Dalam pada itu, kata alternatif demokrasi juga memperkatakan aspek toleransi dalam masyarakat yang pelbagai bangsa, budaya dan agama melalui frasa *agama-agama lain boleh diamalkan*. Berdasarkan petikan (8) aspek kebebasan beragama turut diberikan perhatian oleh Abdullah Ahmad Badawi yang merupakan antara ciri demokrasi. Hal ini diserahkan melalui petikan di bawah.

- (8) T4.P8 A4. Perlembagaan harus dilihat dan ditafsir secara menyeluruh, dan bukan secara terpisah atau terasing dengan menumpukan kepada beberapa fasal tertentu sahaja. A5. Perlembagaan memperuntukkan bahawa Islam adalah agama bagi Persekutuan; tetapi *agama-agama lain boleh diamalkan* dengan aman dan damai, di mana-mana bahagian Persekutuan.
- (9) T4.P9.A1. Bersandarkan semangat Perlembagaan, warga Malaysia pelbagai agama hendaklah mengamalkan budaya yang *saling menghormati* antara satu sama lain. A2. Islam menyeru supaya umatnya menghormati pengikut-penganut agama lain selaras dengan ayat 108, surah Al-An'aam.

Berdasarkan kata alternatif ini secara jelas, beliau menyatakan agama lain selain Islam boleh dianuti dengan aman dan damai. Begitu juga halnya dengan mengamalkan budaya yang lain. Perkara ini diperlihatkan melalui frasa *saling menghormati* dalam petikan (9).

### **Kebebasan bersuara**

Dalam pada itu, kata alternatif demokrasi tidak ketinggalan membicarakan aspek amalan kebebasan bersuara. Yang berikut diperlihatkan petikannya.

## JURNAL BAHASA

- (10) T3.P8.A1. Amalan *perundingan* dan budaya *perbincangan*, dilaksanakan di dalam parti dan di dalam kerajaan. A7. Di dalam parti ia diamalkan dalam Majlis Tertinggi, dalam Biro Politik, dalam Jawatankuasa Pengurusan, dalam pelbagai biro dan jawatankuasa yang dibentuk oleh parti. A8. Di dalam Kerajaan ia diamalkan di kalangan anggota Jemaah Menteri dan di kalangan kakitangan awam.
- (11) T3.P9.A1. Saya berpegang bahawa negara yang bercakap kepada bangsanya harus mempunyai saluran membolehkan kebimbangan rakyat dapat diluahkan. A2. *Kritikan* konstruktif digalakkan. A3. Percanggahan pendapat dilihat secara objektif dan tidak semestinya dianggap sebagai tentangan terhadap kerajaan.

Berdasarkan petikan (10), aspek ini diserlahkan melalui leksikal *perundingan* dan *perbincangan*. Bersandarkan *Kamus Dewan* (2007) leksikal *perundingan* didefinisikan sebagai perbuatan berunding, pembicaraan, permesyuaratan dan perembukan. *Perbincangan* pula membawa maksud perihal berbincang atau bertukar-tukar pendapat mengenai sesuatu perkara yang penting.

Dengan kata lain, kedua-dua leksikal ini menjurus kepada penyelesaian permasalahan dan ketegangan tentang sesuatu isu dengan cara mengeluarkan pandangan dan pendapat tanpa adanya paksaan dan kekerasan. Oleh yang demikian, jelas bahawa kedua-dua leksikal ini mempunyai hubungan dengan makna kata alternatif demokrasi. Dalam hal ini, melalui ayat A1 leksikal *perundingan* dan *perbincangan* dimanfaatkan oleh Abdullah Ahmad Badawi untuk menyatakan bahawa amalan tersebut telah dilakukan secara menyeluruh dan serius dalam kerajaan mahupun parti UMNO.

Selain membicarakan kebebasan bersuara, kata alternatif demokrasi turut ditonjolkan oleh leksikal *kritikan* dalam petikan (11). *Kamus Dewan* (2007) mentakrifkan leksikal *kritik* sebagai analisis, penilaian dan teguran keras, kecaman dan bidasan. Oleh itu, leksikal *kritikan* dalam ayat A2 membawa maksud perbuatan menilai, menegur secara keras dan mengecam tindakan yang mendatangkan kelemahan dan kerugian oleh sesuatu perkara atau seseorang.

Dalam aspek ini, kritikan terhadap kerajaan mahupun parti memperlihatkan kebebasan bersuara yang mempunyai hubungan makna kata alternatif demokrasi. Pemanfaatan leksikal *kritikan* oleh Abdullah Ahmad Badawi merupakan saranan agar teguran yang membina dialukan sebagai ruang untuk rakyat meluahkan perasaan mahupun

kerisauan. Bagi beliau, perselisihan pendapat dilihat sebagai perkara biasa dan bukan melawan kerajaan dan parti.

## **Kepimpinan**

Kepimpinan merupakan aspek dalam dimensi proses sosial yang menekankan penjelasan terhadap persoalan sosial (Fairclough,1992). Bagi Fairclough (2000) bahasa mustahak dalam memperkatakan aspek kepimpinan, politik serta perubahan sosial. Dalam hal ini, praktis kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi diperlihatkan melalui beberapa aspek yang telah dibincangkan dalam aspek leksikal khususnya kata alternatif demokrasi dan pembasmian. Antara praktis kepimpinan yang dijelmakan oleh Abdullah Ahmad Badawi melalui wacana ucapannya ialah kepimpinan toleransi dan telus.

## **Kepimpinan toleransi**

Aspek toleransi merujuk sifat yang sedia menghormati atau menerima pendapat atau pendirian orang lain yang berbeza daripada pendirian sendiri. Menurut Saat Sulaiman (2007), toleransi akan menjauhkan sikap sompong, mementingkan diri sendiri dan memandang hina manusia lain. Toleransi perlu demi menjaga hubungan baik sesama manusia. Abdul Moqsith Ghazali & Djohan Effendi (2009) melihat toleransi sebagai keinginan untuk membiarkan dan sabar terhadap orang lain yang fikiran serta cara hidupnya berbeza.

Berdasarkan perbincangan dalam aspek kata alternatif, diperlihatkan bahawa Abdullah Ahmad Badawi mempraktiskan kepimpinan yang bertoleransi. Berdasarkan kata alternatif *demokrasi*, Abdullah Ahmad Badawi, memberikan penekanan terhadap masyarakat dan budaya yang pelbagai kaum. Dalam hal ini, Abdullah Ahmad Badawi mementingkan aspek kesejahteraan dalam kehidupan. Abdullah Ahmad Badawi sangat menekankan hidup saling menghormati antara kaum. Selain itu, beliau juga menegaskan dan mempertahankan perlombagaan persekutuan yang telah menetapkan bahawa agama lain boleh diamalkan. Sikap toleransi terhadap agama lain juga memperlihatkan Abdullah Ahmad Badawi seorang pemimpin yang mementingkan kemakmuran dan demokrasi sesebuah negara. Abdullah Ahmad Badawi juga memperlihatkan

unsur yang mementingkan keutuhan, perpaduan, keharmonian dalam kepimpinannya (Fadzil Che Din, 2007).

Di samping itu, Abdullah Ahmad Badawi juga tidak mementingkan diri sendiri dalam menentukan sesuatu keputusan dan hala tuju pentadbirannya. Beliau sangat menekankan amalan perundingan dan budaya perbincangan dalam parti mahupun kerajaan. Aspek ini memperlihatkan sifat toleran pendapat orang lain yang mungkin berbeza dari segi amalan atau pendirian beliau sendiri. Menurut Mohamed Fadzil Che Din (2007), Abdullah Ahmad Badawi sanggup memberikan ruang dan peluang untuk mendengar, menghayati dan membantu orang lain. Sementara itu, praktis kepimpinan toleransi Abdullah Ahmad Badawi juga turut diserahkan menerusi sikap toleransi terhadap perbezaan pendapat dan menggalakkan kritikan secara konstruktif. Sikap seperti ini memperlihatkan keterbukaan dalam kepimpinannya. Dalam hal ini, menurut Muhamad Takiyuddin Ismail (2011), kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi yang dilihat ke arah dasar keterbukaan dan akan memberi petanda tentang perubahan dalam proses pendemokrasian. Dalam pada itu, kepimpinan toleransi turut diperlihatkan menerusi perkongsian kuasa yang dipraktikkan dalam kepimpinannya Abdullah Ahmad Badawi. Biarpun perkongsian kuasa dalam kalangan parti sudah menjadi amalan dalam kerajaan Barisan Nasional, namun Abdullah Ahmad Badawi menjadikan perkongsian kuasa sebagai budaya untuk kesejahteraan masyarakat pelbagai kaum dan pembangunan negara.

Sifat toleransi yang tertanam dalam diri beliau menjadi mudah didekati serta menerima pandangan orang lain. Tanpa mengira lapisan masyarakat Abdullah Ahmad Badawi bersedia bukan sahaja mendengar dan membantu dari segi proses pembangunan dan kurang autoritarian dan lebih suka mencapai sesuatu melalui rundingan serta diskusi (Sivamurugan, 2007). Kesemua elemen toleransi yang diperlihatkan oleh Ahmad Badawi mempunyai hubungan makna dengan kata alternatif demokrasi. Demokrasi didasarkan pada pendekatan yang menyatakan bahawa semua manusia bebas dan mempunyai hak yang sama rata serta menghormati segala pendapat tanpa mengira pendapat golongan mana sekalipun dalam masyarakat (Ahmad Redzuwan dan Mohd. Yunus, 2001).

### **Kepimpinan telus**

Berdasarkan wacana ucapan, Abdullah Ahmad Badawi juga diserahkan dengan praktis kepimpinan telus. Menurut Mohd Sayuti Omar (2004),

Abdullah Ahmad Badawi menaruh komitmen yang tinggi untuk mengadakan perubahan demi mewujudkan sistem pemerintahan yang bercirikan ketelusan. Ketelusan bererti sesuatu yang terang, jelas dan nyata (Ahmad Zahid, 2004). Dalam pada itu, Sufean Hussin (2005) menyatakan ketelusan ialah pengusulan sesuatu keputusan atau dasar mempunyai justifikasi berdasarkan fakta yang benar.

Berdasarkan perbincangan dalam kata alternatif pembasmian, praktis kepimpinan telus diperlihatkan oleh Abdullah Ahmad Badawi menerusi tindakan dalam menghapuskan rasuah dalam kalangan ahli politik mahupun pegawai kerajaan. Dalam hal ini, Abdullah Ahmad Badawi sangat tegas dan mengambil tindakan secara konsisten terhadap amalan rasuah dan politik wang yang berlaku dalam parti mahupun kerajaan yang dipimpinnya. Ketegasan beliau menghapuskan amalan rasuah diperlihatkan menerusi pemanfaatan leksikal yang membawa maksud kesungguhan dan penuh semangat seperti *memerangi*, *membanteras* dan *menentang*. Hal ini membayangkan bahawa perasuah harus dihapuskan. Praktis kepimpinan telus yang membayangi kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi telah memperlihatkan pentadbiran yang cekap dan berintegriti. Menurut SivamuruganPandian (2005), ketelusan kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi telah mempengaruhi pelabur untuk melabur di Malaysia.

## **IMPLIKASI DAPATAN KAJIAN**

Dalam wacana ucapan Abdullah Ahmad Badawi sebenarnya tersimpan pelbagai persoalan masyarakat dan budaya yang perlu dihuraikan. Sejajar dengan itu, wacana ucapan beliau wajar dianalisis menggunakan pendekatan kerangka teori analisis wacana kritis untuk menganalisis fenomena yang berlaku dengan lebih teliti dan terancang. Daripada analisis ini akan dapat menyerlahkan persoalan sosial serta memperlihatkan fitur teks yang telah ditetapkan.

Di samping itu, pendekatan kerangka teori analisis wacana kritis ini dapat memperlihatkan kemampuan bahasa dalam menyingkap kepimpinan seseorang pemimpin. Lebih-lebih lagi, kajian ini sebagai cerminan kepada perbezaan seseorang pemimpin daripada pemimpin yang lain melalui tindakan dan pemikirannya. Oleh yang demikian, jelas bahawa pendekatan ini membayangkan bahasa melalui wacana begitu dekat dan intim dengan seseorang pemimpin. Pemanfaatan teori ini bukan sahaja satu tindakan linguistik semata-mata tetapi merupakan satu tindakan tekstual dan

## JURNAL BAHASA

tindakan sosial yang menghasilkan satu wacana akademik yang utuh dan menjadi rujukan dalam kajian yang seterusnya.

## KESIMPULAN

Kesimpulan daripada perbincangan menjelaskan bahawa ucapan kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi memperlihatkan hubungan makna kata melalui kata alternatif pembasmian dan demokrasi. Kata alternatif pembasmian telah menjelaskan konsep pembasmian seperti membasmi kemiskinan dan menghapuskan rasuah, manakala kata alternatif demokrasi telah menyerahkan makna kuasa rakyat, sikap toleransi dan kebebasan bersuara. Namun demikian, kedua-dua kata alternatif yang dimanfaatkan telah mencerminkan praktis kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi. Hal ini menjelaskan bahawa ucapan kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi bukan sahaja mempunyai fitur linguistik bahkan terselindung persoalan sosial khususnya aspek kepimpinan. Aspek kepimpinan yang diperlihatkan menerusi kata alternatif ialah kepimpinan toleransi dan telus. Dalam pada itu, hasil perbincangan ini memperlihatkan wujudnya hubungan antara wacana dengan persoalan sosial.

## NOTA

- 1 T merujuk teks ucapan, T1= teks ucapan ke-55 (2004), T2=ucapan ke-56 (2005), T3= teks ucapan ke-57 (2006), T4= teks ucapan ke-58 (2007) dan T5 = teks ucapan ke-58 (2009). P9 merujuk perenggan ke-9.

## RUJUKAN

- Abdul Moqsith Ghazali & Djohan Effendi, 2009. *Merayakan Kebebasan Beragama: Bunga Rampai Menyambut 70 Tahun Djohan Effendi*. Jakarta: Penerbit Buku Kompas.
- Abdullah Ahmad Badawi, 2006. *Institut Tadbiran Awam Negara Pembangunan Modal Insan: Koleksi Ucapan*. Kuala Lumpur : Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia.
- Ahmad Mahmood Musanif & Arbak, 2001. *Teori Linguistik*. Kuala Lumpur : Penerbit Sarjana.

RADIMAN HJ. JUNAIDI DAN ZAITUL AZMA ZAINON HAMZAH

- Ahmad Redzuwan & Mohd. Yunus, 2001. *Demokrasi dan Kepemimpinan Islam: Suatu Perbandingan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Aminuddin Mohd. Yusof, 1990. *Kepimpinan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 2009. *Panduan Wacana Akademik Teori dan Penerapan*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azrina Husin et al., “Abdullah Ahmad Badawi Tiga Tahun di Putrajaya : Menjejaki Pencapaian dan Strategi Masa Depan Negara” dlm. *Akademika Journal of Southeast Asia Social Sciences and Humanities* 131-40, 2007.
- Beaugrande, R. & Dressler, W., 1981. *Introduction to Text Linguistics*. London: Longman.
- Blommaert, Jan, 2005. *A Critical Introduction*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Chamil Wariya, 2005. *Naik, Jatuh, dan Bangun Semula: Abdullah Ahmad Badawi dan Politik Malaysia*. Kuala Lumpur: Times Editions Marshall Cavendish.
- Chouliaraki & Fairclough, N., 1999. *Discourse in Late Modernity*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Fairclough, N., 1992. *Discourse and Social Change*. Cambridge: Polity Press.
- Fairclough, N., 1995. *Critical Discourse Analysis: The Critical Study of Language*. London: Longman.
- Fairclough, N., 2000. *New Labour; New Language?* London: Routledge.
- Fairclough, N., 2003. *Analysing Discourse: Textual Analysis for Social Research*. London : Routledge.
- Idris Aman, 2001. “*Analisis Wacana Kritis Perutusan Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad*”. Tesis PhD. Universiti Malaya.
- Jank, Hilary, 2001. “Identity and Conflict in the Critical Literacy Classroom” dlm. Comber, B & Simpson, A. (eds.) *Negotiating Critical Literacies in Classrooms*. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates.
- Mohamed Jawhar Hassan, 2007. “Dasar dan Inisiatif Tiga Tahun Pentadbiran Abdullah” dlm. Sivamurugan Pandian et. al. *Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tiga Tahun di Putra Jaya*, hlm. 50-61. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd Sayuti Omar, 2004. *Penganiayaan Yang Perlu Pengampunan*. Kuala Lumpur: Penatia Konvensyen Perpaduan Ummah dan Rakyat Malaysia (PADU).
- Muhammed Shahriar Haque, 2006. “*Discourse of Exclusion: A Critical Discourse Analysis of Recruitment Advertisement*”. Tesis Ph.D. Universiti Putra Malaysia.
- Muhammad Takiyuddin Ismail, “Konservatisme dalam Politik UMNO” dlm. *Jebat: Malaysia Journal of History , Politics & Strategic Studies* Vol. 38:1, hlm. 57-80, 2011

## JURNAL BAHASA

- Muriel Saville-Troike, 1991. *Etnografi Komunikasi Suatu Pengenalan*. Diterjemah oleh Ajid Che Kob. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Roziah Omar & Mohammad Zahir Zainudin, 2007. "Senario Malaysia di Bawah Abdullah Ahmad Badawi" dlm Sivamurugan Pandian *et. al. Abdullah Bin Haji Ahmad Badawi : Tiga Tahun di Putra Jaya* hlm.1-13. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Saat Sulaiman, 2007. *Remaja Positif*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Sato Hirobumi @ Rahmat Abdullah, 1991. "Analisis Wacana Bahasa Melayu Klasik Berdasarkan Teks Hikayat Hang Tuah." Tesis Ph.D. Universiti Malaya.
- Sivamurugan Pandian, 2005. *Abdullah Ahmad Badawi: Jalan ke Puncak*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Sivamurugan Pandian *et al.*, 2007. *Abdullah Ahmad Badawi: Tiga Tahun di Putrajaya*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Sperber. D, Wilson D., 1999. *Relevans Komunikasi dan Kognisi*. Diterjemah oleh Nor Hashimah Jalaluddin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Van Dijk, T.A., 1985. "Principles of Critical Discourse Analysis" dlm. *Discourse & Society* hlm. 249-83. London: Sage Publications Ltd.
- Van Dijk, T.A., 1998. *Critical Discourse Analysis*. <http://www.hum.uva.nl/teun/cda.htm>. (2000)
- Van Dijk, T.A., 2008. *Discourse and Power*. New York: Palgrave/Macmillan.
- Wood Linda. A, Rolf O. Kroger, 2001. *Doing Discourse Analysis: Methods For Studying Action in Talk and Text*. London: Sage Publications Ltd.